

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A, 15(2) dan 19(1) telah dimasukkan mengikut pecahan tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021 dan bilangan permohonan yang diluluskan, ditolak serta penjelasan mengapa kadar pemprosesan permohonan kewarganegaraan kurang memuaskan mengikut pencapaian piagam pelanggan Kementerian Dalam Negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15A, 15(2) dan 19(1) Perlembagaan Persekutuan bagi tahun 2018 hingga 25 Ogos 2021 adalah sebanyak 25,352 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 450 pemohon telah dianugerahkan kewarganegaraan dan sebanyak 223 permohonan tidak diluluskan.

Kementerian sentiasa memberikan komitmen berterusan ke atas Piagam Pelanggan yang telah ditetapkan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan sewajarnya. Justeru Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A telah ditambahbaik dengan melaksanakan tempoh pemprosesan yang lebih singkat bagi permohonan yang lengkap diterima mulai tahun 2020. Manakala, bagi permohonan kewarganegaraan di bawah perkara lain di bawah Perlembagaan Persekutuan, fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh setiap pemohon perlu diteliti mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan.